

'Tunggu keputusan Speaker'

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan keputusan mengenai notis kekosongan enam kerusi wakil rakyat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Menurut Perdana Menteri, buat masa ini semua pihak perlu menunggu keputusan Speaker.

"Soal enam kerusi bersatu itu akan dirujuk kepada Speak-

er Dewan Rakyat dan biar beliau yang putuskan," katanya ringkas kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Tun Abdul Aziz di sini, semalam.

Kelmarin, Bersatu menyerahkan notis pemakluman kekosongan kerusi membabitkan enam ahli Parlimen yang terhenti keahliannya secara serta-merta kepada Pejabat Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Notis pemakluman kekosongan kerusi tersebut dibuat mengikut Perkara 49A Per-

lembagaan Persekutuan dan sudah diterima Pejabat Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Ketua Whip Bersatu, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, kesemua Notis Pemakluman Kekosongan Kerusi Parlimen P.030 Jeli; P.032 Gua Musang; P.059 Bukit Gantang; P.067 Kuala Kangsar; P.095 Tanjong Karang dan P.166 Labuan telah ditandatangani olehnya.

Pada 2 Jun lalu, enam Ahli Parlimen dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bersatu digugurkan keahl-

ian serta-merta selepas gagal menjawab surat arahan bertulis Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) parti untuk menzahirkan ikrar taat setia kepada parti itu.

Terdahulu, Anwar meluangkan masa makan tengah hari di Restoran Zainul Nasi Kandar Original, Kompleks C, 90, Medan Selera di sini bersama orang ramai.

Perdana Menteri kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Tun Abdul Aziz bersama-sama 1,500 jemaah.



ANWAR Ibrahim menikmati makan tengah hari di Restoran Zainul Nasi Kandar Original, Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI